

Islam tertindas kerana silap sendiri — P M

KUALA LUMPUR 28 April — Da-
Ktuk Sri Dr. Mahathir Mohamad
menegaskan bahawa hidup umat Is-
lam yang tertindas, berpuak-puak dan
bercakaran sesama sendiri serta tidak
mampu berdikari adalah kerana umat
Islam sendiri membuat tafsiran-
tafsiran yang silap terhadap ajaran Is-
lam. UM 29 APR 1966

Katanya, umat Islam hanya mengambil berat tentang hari mati dan pembalasan Tuhan apabila membuat tafsiran - tafsiran terhadap cara hidup Islam tanpa memikirkan kesannya ke atas masyarakat Islam.

"Kita katakan umat Islam berhak mendapat rezeki daripada Allah di atas muka bumi ini tetapi kita tafsirkan ajaran - ajaran dan menentukan kaedah-kaedah Islam yang menekankan bahawa rezeki Allah itu di luar

jangkauan kita," kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan seminar "Memajukan Sistem Peralatan Kewangan Islam" di Pusat Islam hari ini.

Seminar seminggu yang pertama kali seumpamanya pernah diadakan di negara ini adalah anjuran Kementerian Kewangan bersama Bank Pembangunan Islam (IDB) yang disertai oleh wakil-wakil dari Kementerian Perancangan dan Kewangan, bank, pasaran saham dan Bank Islam dari negara-negara anggota Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC).

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, umat Islam menumpukan perhatian mereka kepada perkara-perkara yang tidak penting, tentang bentuk dan lahiriah, sedangkan kebajikan dan kehidupan orang-orang Islam secara keseluruhannya diabaikan.

"Sungguhpun Islam menuntut umatnya beribadat kepada Allah, cara hidup Islam bukannya semata-mata beribadat, sebaliknya ia merangkumi segala aspek kita bermasyarakat, menuntut hubungan dengan Allah dan sesama manusia, sama ada orang-orang Islam mahupun manusia keseluruhannya," kata beliau.

L.HAT MIKA 6

Islam tertindas kerana silap sendiri — PM

Perdana Menteri berkata, dalam Islam terdapat peraturan-peraturan dan perintah yang menitikberatkan segala bidang, dari kelahiran ke perkahwinan, membawa ke perdagangan dan kewangan dan seterusnya ke perhubungan antarabangsa, peperangan dan perdamaian.

"Kita sebenarnya telah lama membuang masa dan wang. Semasa kita senang, kita tidak membuat persediaan untuk hari susah. Kini kita sedang kesusahan. Kita akan mundur ke zaman lampau di mana kita dipergunakan oleh negara-negara kaya dan berkuasa di dunia jika kita tidak tahu bagaimana menghadapi masalah ekonomi dan kewangan yang genting ini," tegas beliau.

Katanya, umat Islam papa kedana di tengah-tengah kemewahan. Di mana-mana terdapat umat Islam yang kebuluran kerana umat Islam sendiri meletak rintangan-rintangan kepada usaha membantu mereka melalui tafsiran yang silap.

"Di sebalik ajaran Islam yang melarang pembaziran dan menuntut umatnya membuat amal membantu yang miskin telah sekian lama kita mengerjakan

ibadat korban di Mina semasa haji di mana binatang-binatang korban yang banyak itu ditanamkan begitu sahaja di padang pasir," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, daging binatang-binatang korban ini boleh memberi makan berjuta-juta umat Islam yang kebuluran di seluruh dunia tetapi umat Islam diajar bahawa daging korban itu tidak boleh diedarkan, kluatir ia akan turut dimakan oleh orang-orang kafir.

"Adakah ini sebenarnya yang dikehendaki oleh Islam sebagai cara hidup? Adakah Allah mahu begitu ramai umat-Nya menderita dan mati semata-mata kerana sebab tersebut? Tidakkah Islam mengajar kita supaya belas kasihan sebagaimana kita menyebut Allah amat mengasihani setiap kali kita memulakan kerja?" Tanya beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir bertanya lagi, sungguhkah Islam mengajar umatnya bahawa orang-orang Islam boleh menerima pemberian daripada orang-orang kafir dan sebaliknya orang-orang Islam sendiri, dalam sebarang keadaan, tidak boleh membuat kebajikan kepada orang-

orang kafir, walaupun secara tidak sengaja?.

Dalam bidang kewangan, tambah beliau, umat Islam memberikan takrif kepada faedah sebagai "riba" walaupun kecil, mahupun dalam bentuk bayaran perkhidmatan. Perkongsian keuntungan mungkin merupakan kaedah dalam sistem kewangan Islam tetapi ternyata umat Islam mempunyai lebih wang daripada perniagaan.

"Akibatnya, berbilion-bilion ringgit duit orang Islam disimpan dalam bank orang-orang kafir di negara-negara bukan Islam. Bank-bank ini meminjamkan pula wang kita

itu dengan mengenakan faedah, bahkan kadangkang kepada negara-negara musuh Islam," katanya.

Katanya, bank-bank tersebut menikmati faedah yang diperolehi daripada wang orang-orang Islam sedangkan faedah itu berkemampuan membiayai kebajikan bagi orang-orang Islam sendiri tetapi kita menolaknya kerana ia "riba" dalam bentuk yang dikeji, bukannya "riba" dalam bentuk penindasan sebagaimana yang diajar oleh Islam.

"Kita mentafsir ajaran Islam, kononnya meneri-

ma keuntungan yang berlipat kali-ganda tidak salah dibandingkan dengan penerimaan wang faedah walaupun yang paling kecil. Adakah tafsiran ini tepat? Tidakkah mungkin kita telah diberikan tafsiran yang silap? Tidakkah mungkin inti ajaran Islam itu lebih penting daripada bentuk lahiriahnya?" tanya Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau membidas sesetengah ulama dan sarjana Islam sekarang yang mempunyai motif lain menyimpang daripada Islam dengan membuat tafsiran mereka sendiri terhadap Al-Quran dan hadis.

Perdana Menteri ber-

pendapat, 'Bank Pembangunan Islam (IDB) merupakan satu alat yang boleh digunakan oleh umat Islam di dunia untuk membantu umat Islam sendiri dengan berlandaskan keadilan hukum-hukum Islam.

Beliau berharap, seminar ini akan dapat mencari satu sistem Bank Islam yang menekankan bukan sahaja urusan bank tetapi juga penghayatan perintah Al-Quran, bahawa pinjaman itu tidak sepatutnya menjadi bebanan kepada peminjam sebaliknya ia boleh menolong peminjam ketika ia sangat-sangat diperlukan.